

Jenis Akhbar : Utusan Online
Tarikh : 02/11/2017
Edisi / Muka Surat : www.utusan.com.my

Angkasa sasarkan 50 koperasi sekolah capai perolehan lebih RM1 juta



Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah (depan) menandatangani plak penghargaan koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad di atas kejayaan perolehan melebihi RM1 juta bagi tahun 2017 di Tanah Merah hari ini. - UTUSAN ONLINE

Rosmizan Resdi

02 November 2017 4:15 PM

TANAH MERAH 2 Nov.- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mensasarkan sebanyak 50 koperasi sekolah mencapai perolehan lebih RM1 juta menjelang 2020.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini, sebanyak lima daripada keseluruhan 2,376 koperasi sekolah di seluruh negara telah mencapai perolehan berkenaan.

"Untuk mencapai sasaran itu, sebanyak 45 koperasi sekolah lagi yang perlu mencapai perolehan lebih satu juta.

Kita yakin dapat mencapai sasaran itu kerana sudah 30 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM800,000 setakat ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penghargaan Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Angkasa negeri, Datuk Che Mohd. Syukree Che Isa dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri, Amran Abd. Kadir.

Penghargaan berkenaan menjadikan Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad sebagai koperasi sekolah yang pertama di negeri ini mendapat perolehan melebihi RM1 juta. -